KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	16.06.22	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	JPSM			



TUANKU SYED FAIZUDDIN

tangga," titah baginda dalam kenyataan dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) pada

gawai khususnya daripada bidang kaun ng kekuatan untuk memperkuk in- tus sekeluarga menjadi lebih baik

SH160622_26

Kuari: Tiada lesen baharu

Kerajaan Kedah nafi beri kelulusan untuk aktiviti kuari, pasir dan balak di Hutan Simpan Gunung Raya

Oleh ROSLINDA HASHIM
ALOR SETAR



Hutan Simpan Gunung Raya diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) dengan keluasan 4,930 hektar di bawah Akta Perhutanan Negara pada 15 Mac 1941.

Kerajaan Kedah tidak pernah mengeluarkan lesen atau kelulusan baharu untuk aktiviti kuari, pengeluaran pasir darat dan pembalakan di Hutan Simpan Gunung Raya (HSGR) di Langkawi, seperti yang didakwa.

Dalam kenyataan dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar menyatakan, surat daripada Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) bertarikh 9 Mei 2021 yang tular di media sosial bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak berkaitan mengenai hampir 140 hektar yang diperuntukkan untuk aktiviti perlombongan dan kuari pasir yang diluluskan oleh pentadbiran terdahulu telah dikurangkan kepada 19 hektar.

Menurut kenyataan itu, penjelasan ini berhubung kelulusan bagi mengeluarkan saki baki kayu di beberapa Kompartmen HSGR kepada Yiked Holdings Sdn. Bhd, yang merupakan anak syarikat Yayasan Islam Negeri Kedah (YIKED).

"Ia mencetuskan kebimbangan kononnya kerajaan negeri memberi lesen atau kelulusan baharu untuk aktiviti pembalakan dan kuari.

"Sebenarnya ia surat pemakluman Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Hasil Bumi (JKTHB) melalui mesyuarat pada 23 April 2020, memutuskan semua kawasan kuari batu dan pasir diluluskan hanya 19 hektar," kata kenyataan itu lagi.

Menurut kenyataan itu, ketika ini hanya satu kelulusan melibatkan kuari serbuk batu sedang beroperasi manakala empat lagi belum melaksanakan aktiviti pengkuarian pasir darat dan batu granit.

Susulan penjelasan tersebut, diharap tiada lagi pihak yang curiga mengenai kemungkinan terdapat kelulusan baharu dikeluarkan oleh kerajaan negeri untuk menjalankan aktiviti kuari atau pembalakan di kawasan Hutan Simpan Gunung Raya.